

**SOALAN NO: 50**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**  
**DARIPADA : PUAN ALICE LAU KIONG YIENG [LANANG]**  
**TARIKH : -**  
**SOALAN : 50**

**Puan Alice Lau Kiong Yieng [ Lanang ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah Kementerian berhasrat untuk membina tempat letak kereta bertingkat di Hospital Sibu memandangkan masalah kekurangan tempat letak kereta semakin serius di Hospital Sibu dan apakah rancangan Kementerian untuk menyelesaikan masalah ini.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menyedari bahawa wujud isu berhubung kekurangan petak tempat letak kereta (TLK) di kebanyakan fasiliti kesihatan Kerajaan milik KKM. Hal ini timbul berikutan pertambahan pengunjung yang mendapatkan rawatan di fasiliti-fasiliti tersebut. Dalam hal ini, KKM telah mengenal pasti fasiliti Kesihatan yang menghadapi masalah kritikal di mana kebanyakan fasiliti tersebut terletak di kawasan Lembah Klang.

Antara langkah yang sedang diambil oleh KKM ialah perancangan untuk melaksanakan projek pembinaan TLK Bertingkat secara Kerjasama Awam Swasta (*Public Private Partnership – PPP*) melalui kaedah *Build-Operate-Transfer* (BOT), di mana Kerajaan memberikan peluang kepada pihak luar untuk menambah dan mengoperasikan ruang TLK sedia ada di Hospital-hospital. Projek ini bertujuan untuk meningkatkan

keefisyenian pengoperasian perkhidmatan Hospital di samping membantu melicinkan lagi aliran trafik di sekitar kawasan Hospital. Walau bagaimanapun, terdapat implikasi sekiranya Projek ini dilaksanakan, di mana syarikat yang dilantik mengoperasikan perkhidmatan TLK tersebut akan mengenakan caj kepada orang ramai. Dalam hal ini, KKM perlu berunding dengan syarikat yang dilantik bagi memastikan caj yang bakal dikenakan tidak membebankan orang ramai.

KKM kini dalam proses untuk merintiskan pelaksanaan projek ini terlebih dahulu di dua (2) buah Hospital Kerajaan yang mengalami masalah kesesakan dan kekurangan TLK yang kritikal bagi memastikan Projek tersebut berdaya saing. Sekiranya Projek ini berjaya, pelaksanaan Projek akan diperluaskan ke lain-lain Hospital yang mengalami masalah kekurangan TLK yang sama.